

# Terma dan Syarat

Aplikasi Pemasangan Mudah Alih/Apl Connexx Fit2Go (selepas ini dirujuk sebagai “Aplikasi”) telah dibangunkan dan dihasilkan bagi pihak WS Audiology Denmark A/S (“Syarikat”).

Dengan menerima dan menggunakan Aplikasi pada tablet atau peranti mudah alih anda, anda bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan sebarang pindaan yang berkaitan.

## Tujuan

Aplikasi ini bertujuan untuk digunakan oleh Para Profesional Penjagaan Pendengaran sahaja.

Dengan Aplikasi ini, anda boleh, sebagai seorang Profesional Penjagaan Pendengaran, untuk melaraskan fungsi keselesaan peranti pendengaran dalam rangka kerja tertentu. Ia juga membolehkan anda memperibadikan bunyi bagi pihak pelanggan anda.

## Hak penggunaan

Syarikat memberikan anda lesen yang boleh dibatalkan, bukan eksklusif, di seluruh dunia untuk menggunakan Aplikasi dalam tujuan yang dimaksudkan selagi Syarikat menyediakan Aplikasi ini dalam bidang kuasa anda. Anda tidak boleh mengedarkan atau menjadikan Aplikasi ini tersedia kepada mana-mana pihak ketiga sekalipun.

Anda bebas untuk berhenti menggunakan dan menyahpasang Aplikasi pada bila-bila masa.

## Hak Harta Intelekt

Aplikasi dan kandungan yang terdapat dalam Aplikasi ini dilindungi oleh hak cipta, tanda dagangan, paten, dan hak kekayaan intelektual dan hak milik lain yang dipegang oleh Syarikat.

## Penafian dan had liabiliti

Sebagai Profesional Penjagaan Pendengaran, anda bertanggungjawab terhadap penyesuaian dengar yang anda berikan kepada pelanggan anda. Syarikat menyediakan Aplikasi untuk membolehkan anda menjalankan perkhidmatan ini.

Aplikasi hanya boleh digunakan dalam penggunaan yang dimaksudkan dan dengan peranti pendengaran yang serasi.

Syarikat tidak mewakili, menjamin atau memberi waranti bahawa penggunaan Aplikasi tidak akan terganggu atau bebas ralat. Syarikat berhak untuk menghentikan sokongan Aplikasi pada bila-bila masa. Aplikasi dan data di sini disediakan “sebagaimana adanya” dan tanpa sebarang jaminan tersurat atau tersirat.

Setakat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian yang berlaku akibat penggunaan Aplikasi, termasuk ganti rugi langsung, tidak langsung, khas,

sampingan, berbangkit atau punitif atau sebarang kerugian atau kerosakan lain dalam apa jua bentuk, termasuk gangguan atau kehilangan data.

Untuk mengelakkan keraguan, tiada dalam terma dan syarat ini mengecualikan atau mengehendkan sebarang jaminan, remedi atau hak yang tidak boleh dikecualikan atau dihadkan oleh undang-undang.

### **Pindaan**

Syarikat berhak untuk menukar Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa dan jika anda ingin terus menggunakan Aplikasi, anda dikehendaki menerima Terma dan Syarat seperti yang dipinda.

### **Undang-undang yang mentadbir urus dan pertikaian**

Sebarang pertikaian atau tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Aplikasi ditadbir urus oleh undang-undang substantif Denmark, dan tempat untuk sebarang pertikaian kehakiman ialah Denmark kecuali jika undang-undang mandatori tempatan memperuntukkan undang-undang dan tempat mentadbir urus yang lain.

Terma dan Syarat ini kali terakhir dikemas kini pada 20/05/2023.